

Received: 10 January 2020, Accepted: 10 March 2020, Published 10 June 2020

**CABARAN DAN STRATEGI INTERVENSI MENCAPAI *GRADUATE ON TIME* (GOT)
DALAM KALANGAN PELAJAR SISWAZAH UKM**

CHALLENGES AND INTERVENTION STRATEGY TO ACHIEVED GRADUATE ON TIME
(GOT) AMONG UKM POSTGRADUATES

Khadijah Alavi¹, Sarin Johani², Nasharuddin Zainal³ & Andanastuti Muchtar⁴

^{1,2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

³Pusat Siswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Menamat pengajian siswazah mengikut tempoh masa yang ditetapkan merupakan satu cabaran bagi pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah UKM. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran pelajar siswazah menamat pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mencadangkan strategi intervensi meningkatkan pencapaian GOT (*Graduate on Time*) dalam kalangan pelajar siswazah UKM. Kajian ini dijalankan ke atas seramai 38 orang pelajar siswazah iaitu seramai 17 orang pelajar siswazah yang berjaya mencapai GOT dan juga 21 orang pelajar yang tidak berjaya mencapai GOT. Data kajian ini dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan juga temubual dalam perbincangan kumpulan berfokus (*focus group*). Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes bagi mendapatkan maklumat cabaran dan persekitaran pembelajaran siswazah di UKM. Data perbincangan kumpulan diterjemahkan kepada tema-tema dengan analisis verbatim. Hasil kajian menunjukkan majoriti siswazah yang mendapat GOT projeksikan cabaran utama mereka ialah masalah kewangan dan bahan dan alat instrumen kajian tidak mencukupi. Manakala siswazah yang tidak mendapat GOT pula menyatakan cabaran utama mereka ialah kesukaran mengumpulkan data kajian, masalah rujukan terkini, sukar menerbitkan dalam jurnal berimpak

tinggi dan masalah personaliti dan sendiri. Perbandingan antara siswazah yang mendapat GOT dan tidak mendapat GOT mempunyai perbezaan yang sangat ketara dalam menyatakan cabaran dan strategi untuk meningkatkan GOT dalam kalangan siswazah UKM pada masa akan datang. Implikasi kajian ini adalah penting untuk mewujudkan satu garis panduan model strategi intervensi bagi mempertingkatkan peranan UKM dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan pascasiswazah yang berjaya mencapai GOT.

Kata kunci: Cabaran, Persekitaran pembelajaran, Strategi intervensi, *Graduate on Time* dan Siswazah

Abstracts

Graduating on time among postgraduate students is a challenge for UKM Master and PhD students. The purpose of this study is to explore the challenges of graduating within the time frame and propose intervention strategies to improve graduate on time (GOT) among UKM postgraduate students. This study was conducted among 38 postgraduate students, 17 graduates who achieved GOT and 21 graduates who did not achieve GOT. The data was collected using questionnaires and focus group discussions. The design of this study utilized a case study approach to obtain information on the challenges and learning environments of the UKM graduate. Focus group data was analysed into themes by verbatim analysis. The results show that most graduates who have GOT, their main challenges are inadequate of financial, research material and instruments. However, students who did not achieve GOT, their main challenges are difficulties in collecting data, identifying current literature review, difficulties in publishing in high impact journal, personality and low self-esteem. Comparison between GOT graduate and non-GOT graduates have a large difference in stating their challenges and strategies for improvement in achieving GOT among UKM graduate in the future. The implications of this study are important to establish a model of intervention strategy to enhance school of postgraduate UKM to produce more graduate students to achieve graduate on time (GOT).

Keywords: challenges, learning environments, intervention, strategy, graduate on time

1.0 PENGENALAN

Menamat pengajian siswazah merupakan satu cabaran bagi pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah UKM. Pelajar yang terpilih mengikuti pengajian siswazah UKM adalah antara yang terbaik dari segi akademik dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Namun bukan mustahil untuk pelajar siswazah berjaya menamat pengajian tempoh masa yang ditetapkan atau dikenali sebagai GOT (*Graduate on Time*). Cabaran utama *graduate on time* (GOT) bagi pelajar menamatkan pengajian ialah masa di mana tempoh masa yang diperuntukan sarjana falsafah antara 2 hingga 3 tahun dan doktor falsafah 3 hingga 4 tahun. Terdapat juga pelajar yang sangat komited dapat menyelesaikan pengajian Doktor Falsafah dalam masa 2 tahun. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah satu universiti penyelidikan di Malaysia yang perlu menghasilkan pengetahuan, inovasi dan tafsiran baru. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga menyediakan pelbagai program insentif kepada pelajar siswazah. Antara program ialah MyBrain 15 bagi meningkatkan jumlah modal insan cemerlang berkualiti tinggi dan mengalakkan penyelidikan, pembangunan dan inovasi (Sharifah et al. 2016). Pelajar bergraduat daripada universiti semakin tinggi, namun isu kritikal ialah persediaan peluang pekerjaan dalam pasaran Malaysia semakin mengecut dan mencabar. Isu ini juga amat membimbangkan KPT, ibu bapa dan graduan dewasa ini.

Permasalahan kajian Graduate on Time (GOT) kepada negara dan masyarakat daripada aspek kerelevanan penawaran program dengan penawaran pekerjaan dalam industri. Pusat siswazah boleh sentiasa pantau dan memastikan program akademik dan standard profesional seiring diperingkat fakulti dan institusi. Kedua, pelajar GOT juga boleh mengoptimumkan nisbah kejayaan dan kemahiran peribadi mereka dan ketiga, kejayaan pelajar mendapat GOT memberi impak positif kepada pelajar siswazah, tenaga akademik dan kejayaan kepada universiti penyelidikan mencapai objektif secara holistik (Bain et al. 2010). Penemuan kajian memberi implikasi kepada pelajar siswazah membuat pilihan, panduan dan persiapan bagi membantu pelajar siswazah mengurangkan risiko kegagalan dalam mengikuti pengajian siswazah masa depan (Watthanapradith, M., & Tongkumchum, P. (2018).

Pemetaan sorotan literatur berkaitan cabaran GOT dalam kalangan pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah UKM antara hambatan dan cabaran ialah kemahiran artikulasi penulisan tesis. Pelajar kurang berkemahiran dalam mengorganisasi analisis data, menginterpretasi, sintesis dan anti-tesis dalam penulisan tesis mereka (Carter, 2004). Sehubungan itu, UKM bukan sahaja kurang menghasilkan pelajar yang GOT tetapi tesis

cemerlang atau artikel terbaik. Cabaran lain yang dikenalpasti ialah masalah kewangan, masa, kesihatan, budaya pusat pengajian/program/fakulti, kelemahan penyeliaan, kualiti hidup dan penulisan tesis. Aspek gender juga dikenalpasti sebagai cabaran di mana wanita berkahwin lebih banyak tercicir berbanding lelaki. Manakala pelajar siswazah pengajian sains sosial dan kemanusiaan lebih banyak tercicir berbanding dengan sains tulen (Smallwood 2004; Lovitts & Nelson 2000; Gardner, 2010; Golde, 2005). Kecerdasan dan gaya pembelajaran (Lovitts 2008 & Terrel 2002) dan keputusan kompleks pelajar untuk menarik diri daripada program tertentu adalah sukar untuk terokai dan kebarangkalian corak penyelesaian ini menjangkau semua fakulti dan institut (Golde 2005; Van Ours & Ridder 2003).

Rockinson-Szapkiw (2014) mendapati bahawa terdapat lima tema utama yang dikenalpasti bagi pelajar siswazah menamatkan pengajian tepat masa atau GOT. Antara tema adalah seperti berikut: i) hubungan dengan keluarga, rakan dan fakulti; ii) penentuan, kemahiran organisasi dan pengurusan masa; iii) fleksibiliti program dan kursus yang bersesuaian iv) kemajuan kerjaya dan ganjaran kewangan dan v) jangkaan program siswazah yang jelas. Hasrat dan aspirasi semua pelajar siswazah ingin menamatkan pengajian tepat masa, bermotivasi tinggi dan bakat serta ingin berjaya. Dalam mencapai realiti sebagai pelajar siswazah, bukan semua pelajar dapat menamat pengajian tepat pada masa, walaupun kriteria pengambilan pelajar yang hampir sama daripada aspek kecemerlangan akademik. Tetapi mengapa ramai pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah UKM tidak dapat mencapai GOT? Mengapa pula ada pelajar siswazah yang boleh mencapai GOT; apakah resipi pelajar yang boleh mencapai GOT dan sejauhmanakah cabaran dan hambatan pelajar siswazah yang gagal mencapai GOT? Pusat Siswazah UKM mengambil inisiatif untuk meneroka pengalaman pelajar siswazah antara yang mendapat GOT dan gagal mendapat GOT di peringkat fakulti dan institut. Kajian ini amat signifikan untuk tindakan strategik UKM. Manakala dapatan kajian awal profiling pelajar siswazah UKM mendapati bahawa lebih ramai pelajar yang gagal mendapat GOT berbanding dengan pelajar yang mendapat GOT. Tempoh tamat pengajian siswazah bergantung kepada kriteria pelajar, misalnya tanggungjawab, tahap motivasi, perasaan negatif (kekecewaan, kurang bersemangat, penat, putus asa, kebimbangan) dan masalah kesihatan (McAlpine et al. 2009 & Abidin 2006).

Fenomena ini merupakan suatu kehilangan @ “peluang terlepas” (*miss the opportunity*) bukan sahaja bagi pelajar; bahkan kepada fakulti, institut dan universiti untuk menawarkan potensi kerjaya berkemahiran tinggi dan majikan pula menunggu hasil penyelidikan bagi

penambahbaikan sistem dan produk. Kajian ini mencadangkan penerokaan data profil pelajar Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah UKM yang mendaftar sehingga tahun 2016 dianggarkan seramai 13,000 pelajar perlu digarap untuk pemetaan bagi menyusun strategik dan cadangan pelan tindakan meningkatkan statistik pelajar siswazah yang dapat menyiapkan pengajian pada tempoh masa yang ditetapkan (*graduate on time* [GOT]) oleh Pusat Siswazah. Justeru, UKM perlu mengorak langkah meneroka strategi untuk meningkatkan lebih ramai siswazah mencapai GOT bagi mencapai hasrat UKM unggul di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta mendaulat amanah negara.

1.1 Objektif Kajian

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman dan cabaran dalam menyelesaikan program siswazah tepat masa dalam kalangan pelajar siswazah UKM. Mengkaji faktor cabaran dalam kalangan pelajar siswazah menyelesaikan pengajian siswazah tepat masa.. Dapatan kajian ini akan dijadikan satu garis panduan model intervensi bagi menangani masalah pelajar siswazah yang tercicir bergraduasi tepat masa.

1.2 Metodologi

Kajian yang menggunakan kaedah gabungan (*mixed method*) kuantitatif dan kualitatif ini dijalankan ke atas seramai 21 orang pelajar siswazah yang tidak berjaya mencapai GOT. Responden adalah terdiri daripada pelajar yang dipilih secara rawak mudah daripada empat fakulti iaitu Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dan Fakulti Ekonomi Pengurusan (FEP). FST dan FKAB mewakili bidang pengajian sains manakala FSSK dan FEP mewakili bidang sains sosial. Soalan kajian adalah berfokus maklumat diri responden dan cabaran yang dihadapi oleh responden dalam proses pengajian sehingga tamat pengajian. Data tersebut dikumpul melalui perbincangan kumpulan berfokus dan juga soal selidik atas talian. Seterusnya, data yang didapati dianalisis dengan menggunakan dua kaedah berbeza. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS manakala data kualitatif yang dikumpulkan secara verbatim dan data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik.

2.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

2.1 Profil Demografi Pelajar

Maklumat demografi responden yang dikaji ialah jantina, umur, status perkahwinan, fakulti pengajian dan kekerapan berjumpa dengan penyelia masing-masing. Berdasarkan Jadual 1 mendapati bahawa 17 pelajar yang mendapat GOT dan 21 pelajar tidak mendapat GOT telah ditemubual secara mendalam bagi mendapatkan pandangan mengenai cabaran, halangan dan strategi penambahbaikan pusat pengajian siswazah UKM pada masa depan. Responden juga terdiri daripada pelajar dalam negara yang mendapat 14 mendapat GOT dan 13 pelajar tidak mendapat GOT. Manakala pelajar antarabangsa seramai 3 pelajar yang mendapat GOT dan 8 pelajar yang tidak mendapat GOT. Daripada aspek jantina pelajar pula, pelajar lelaki yang terlibat adalah seramai 17 orang dan perempuan seramai 21 orang. Pelajar perempuan semakin meningkat menyambung pengajian di peringkat siswazah (Sarjana dan PhD) dan tidak ada perbezaan antara siswazah perempuan dan lelaki dalam menamatkan tempoh pengajian (Van de Schoot et al. 2013; Mastekaasa 2005). Responden daripada setiap fakulti terdiri daripada 14 pelajar FST, 8 pelajar FSSK, 14 pelajar FKAB serta 1 pelajar masing-masing daripada FP1 dan FTSM. Kekerapan pelajar berjumpa dengan penyelia juga turut dikenalpasti dalam kajian ini sebagai salah satu strategi mencapai GOT. Majoriti pelajar GOT berjumpa dengan penyelia dua minggu sekali iaitu sebanyak 6 kali pertemuan berbanding dengan pelajar tidak GOT sebanyak 2 kali. Diikuti oleh sebulan sekali dan tiga bulan sekali. Pertemuan setiap minggu tidak dipraktik oleh pelajar UKM dalam proses penyeliaan mereka. Dari aspek umur mendapati bahawa majoriti pelajar berada pada tahap umur pertengahan iaitu antara umur 31 hingga 40 tahun seramai 22 orang responden; diikuti dengan umur 20 hingga 30 seramai 7 pelajar; umur 41 hingga 50 seramai 6 pelajar dan lebih 60 tahun masing-masing seorang pelajar. Wright & Cochran (2000) mendapati bahawa kumpulan umur antara 20-26 tahun mendapati dapat menyiapkan tempoh pengajian tepat masa (GOT) dalam tempoh masa yang pendek dan lebih mudah menyelesaikan pengajian siswazah berbanding dengan kumpulan umur yang lain. Hampir semua responden telah berkahwin iaitu seramai 23 pelajar, 14 pelajar masih bujang dan seorang telah berpisah.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Maklumat Demografi	Bilangan Pelajar Got	Bilangan Pelajar Tidak Got
Fakulti		
- FPI	1	-
- FST	9	5
- FSSK	4	4
- FKAB	3	11
- FTSM	-	1
Negara		
- Dalam negara	14	13
- Luar negara	3	8
Kekerapan berjumpa penyelia		
- Seminggu	-	-
- Dua minggu	8	6
- Sebulan	6	2
- Tiga bulan	3	11
	-	2
Jantina		
- Lelaki	7	10
- Perempuan	10	11
Umur		
- 20-30 tahun	5	2
- 31-40 tahun	9	13
- 41-50 tahun	2	4
- 51-60 tahun	-	1
- 61-70 tahun	1	-
Status perkahwinan		
- Bujang	6	8
- Berkahwin	11	12
- Berpisah	-	1

Secara keseluruhan maklumat demografi responden menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun (Jadual 1). Kajian Levinson (1977;

1978; 1996) yang dilakukan ke atas lelaki dan perempuan kelas pertengahan yang berumur antara 35 hingga 45 tahun. Umur pertengahan juga boleh merupakan tempoh masa di mana individu menilai samada jangkaan dan harapan tercapai atau tidak. Kesedaran pencapaian ini akan membentuk cabaran membina matlamat baru. Individu pertengahan dewasa mungkin perlu memikirkan semula arus hidup mereka dari segi kerjaya, melanjutkan pendidikan dan mungkin perlu mengubahsuai matlamat idaman dalam kehidupan. Dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan pelajar siswazah UKM adalah tergolong dalam kategori kelas umur pertengahan dan telah berkahwin. Ianya selari dengan kajian Aktu & Ilhan (2017) mendapati bahawa taraf perkahwinan boleh memberi sokongan psikologi yang sihat, perlindungan, kualiti kesihatan mental dan individu boleh mencapai tugas pembangunan diri yang lebih sejahtera. Namun, pelajar siswazah UKM yang mendapat GOT dan tidak mencapai GOT menghadapi pelbagai cabaran dalam mencapai matlamat pendidikan siswazah mereka. Walaubagaimanapun, McAlpine et al. (2009) dan Abiddin (2006) mendapati menamatkan pengajian siswazah bergantung kepada karakteristik pelajar tersebut misalnya kebertanggungjawaban, tahap motivasi, perasaan negatif (putusasa, kurang bersemangat, penat, kebimbangan) dan masalah kesihatan fizikal.

2.2 Faktor Cabaran Mencapai Graduate On Time (GOT)

Cabaran merupakan ujian kekuatan kognitif, kemahiran dan kebolehan menjalankan aktiviti harian kehidupan seseorang individu. Ianya juga merupakan menguji kemampuan, ketabahan dan kesabaran seseorang individu dalam mengharungi masalah, kekangan dan halangan dalam mencapai matlamat hidup (Idris, 2003). Berdasarkan dapatan kajian, faktor-faktor mencapai GOT merupakan cabaran dalam menamatkan pengajian tepat tempoh masa dalam pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. Jika dibandingkan dengan pelajar mencapai GOT masalah responden menyatakan terdapat 10 cabaran iaitu masalah kewangan, menunggu lama untuk menggunakan instrumen kajian, alat dan bahan di makmal tidak mencukupi, kerosakan alat, makmal tidak dibuka sepanjang hari, staf tidak membantu, sukar menerbitkan jurnal berimpak tinggi, kurang motivasi diri, masalah kesihatan dan ketiadaan tempat tinggal di kolej. Secara asasnya cabaran pelajar siswazah dihuraikan dalam Jadual 2 seperti berikut.


Jadual 2: Perbandingan Cabaran Pelajar Mencapai GOT dan Tidak GOT

Bil.	CABARAN PELAJAR	PELAJAR GOT (%)	PELAJAR TIDAK GOT (%)
1	Masalah kewangan	17	10
2	Menunggu lama untuk menggunakan instrumen kajian	17	5
3	Alat dan bahan di makmal tidak mencukupi	9	10
4	Kerosakan alat	9	5
5	Makmal tidak dibuka sepanjang hari	8	-
6	Staf tidak membantu	8	-
7	Sukar menerbitkan jurnal berimpak	8	10
8	Kurang motivasi diri	8	-
9	Masalah kesihatan	8	-
10	Ketiadaan tempat tinggal di kolej	8	-
11	Tekanan	-	10
12	Ahli keluarga meninggal dunia	-	5
13	Masalah bersama penilai	-	10
14	Sukar menguruskan bahagian teknikal dan metodologi tesis	-	10
15	Sukar mengumpul data kajian	-	10
16	Sukar mendapatkan bahan rujukan terbaru	-	10
17	Perceraian	-	5

Berdasarkan Jadual 2, sebaliknya terdapat dua belas faktor kegagalan pelajar siswazah yang tidak mencapai GOT yang telah dikenalpasti antaranya faktor proses akademik, proses penyelidikan, masalah kewangan, masalah kesihatan, diri sendiri, keluarga dan penilai. Majoriti pelajar menyatakan bahawa mereka berdepan masalah dalam proses penyelidikan yang menyebabkan mereka gagal mencapai GOT dalam kalangan pelajar siswazah. Masalah dalam proses penyelidikan tersebut termasuklah peralatan dan bahan ujikaji yang tidak mencukupi, kerosakan peralatan dan mesin, proses menunggu untuk menggunakan peralatan dan mesin memakan masa yang lama dan kesukaran untuk memperoleh data kajian. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Mohammad Rezal et al. (2012) yang mendapati bahawa faktor penyelidikan merupakan penyumbang terbesar kepada kegagalan

pelajar. Selebihnya pula menyatakan faktor proses akademik merupakan punca kegagalan mencapai GOT. Menurut responden, mereka berdepan masalah-masalah seperti kurang kemahiran menguruskan bahagian teknikal dan metodologi tesis serta berdepan kesukaran untuk menerbitkan artikel berimpak tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Carter (2004) iaitu pelajar berdepan kegagalan disebabkan kurang berkemahiran dalam mengorganisasi analisis data, menginterpretasi, sintesis dan anti-tesis dalam penulisan tesis mereka.

Manakala Rajah 1 menghuraikan dengan terperinci mengenai beberapa faktor dan cabaran paling ketara dalam kalangan pelajar siswazah ialah kegagalan pelajar untuk tidak mencapai GOT iaitu faktor masalah kewangan, masalah kesihatan, diri sendiri, keluarga dan penilai masing-masing mempengaruhi kegagalan pelajar mencapai GOT. Masalah kewangan merupakan faktor yang sering kali dikaitkan dengan pelajar, kekurangan wang menyebabkan pelajar kurang tumpuan untuk menyiapkan kajian dan boleh menyebabkan tekanan. Masalah kesihatan pula turut mengganggu proses pembelajaran dan kajian kerana pelajar tidak sihat dan ditahan di hospital untuk jangka masa tertentu. Menurut responden, faktor keluarga seperti ahli keluarga jatuh sakit dan meninggal dunia turut mengganggu fokus mereka untuk menyiapkan kajian. Manakala faktor penyelia pula melibatkan masalah seperti penyelia kurang memainkan peranan dalam membantu pelajar mencapai GOT. Penyelia merupakan pihak yang penting untuk membimbing dan memantau progres penyelidikan dan penulisan tesis pelajar. Manakala proses pengurusan penyelidikan dan penulisan adalah tanggungjawab pelajar sepenuhnya terutama dalam peringkat pengajian siswazah ((Wadesango & Machingambi, 2011). Hubungan penyelia dan pelajar dalam menamatkan proses pengajian mengikut tepat tempoh masa adalah sangat penting (Bain et al. 2010) Menurut responden, masalah bersama penyelia menyebabkan responden tersasar daripada perancangan progres kajian yang telah ditetapkan. Selain faktor luaran, faktor dalaman iaitu diri sendiri juga menyumbang kepada kegagalan pelajar mencapai GOT. Masalah seperti kurang bermotivasi, tidak menguruskan masa dengan baik dan tekanan menyebabkan pelajar tidak dapat menamatkan kajian seperti yang dirancang.



Rajah 1: Faktor kegagalan pelajar mencapai Graduate on Time (GOT)

Menurut Martinez et al. (2013) dan Haynes et al. (2012) mengutarakan bahawa cabaran tekanan dalam kalangan pelajar siswazah berpunca daripada kekangan pengurusan masa dengan baik mempengaruhi kegagalan dalam proses pengajian siswazah terutama dalam kalangan pelajar dewasa. Hamzah et al. (2014) juga mendapati faktor pengurusan masa efektif menyumbang kepada 50% kejayaan dalam menamatkan pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Martinez et al. (2013) dan Wan Zah et al. (2008) menjelaskan bahawa keberkesanan pengurusan masa diukur berdasarkan perspektif penguasaan ilmu, teknik dan cara seseorang individu mengurus, mengatur dan membahagi masa untuk aktiviti seharianya agar dapat dimanfaatkan pada tahap optimum. Pengurusan masa yang cekap dalam kalangan pelajar wanita berkeluarga merupakan suatu cabaran hebat yang memerlukan komitmen berterusan. Lasode dan Awote (2014) menyatakan bahawa mengutamakan perkara yang utama adalah perlu kerana faktor kekangan masa merupakan perkara paling kritikal bagi pelajar wanita yang telah berkahwin.

Sebaliknya, Jadual 2 juga menghuraikan dapatan kajian bagi pelajar yang mendapat GOT lebih menjurus kepada sepuluh masalah yang dihadapi mengikut keutamaan, misalnya masalah kewangan dan menunggu lama untuk menggunakan instrumen kajian merupakan isu utama. Diikuti dengan keperluan alat dan bahan kimia di makmal yang tidak mencukupi serta kerosakan alat di makmal juga diutarakan oleh pelajar yang mendapat GOT. Selain itu, makmal tidak dibuka sepanjang hari untuk melakukan pengujian, staf jabatan kurang memberi kerjasama dalam membantu penyelidikan, sukar menerbitkan jurnal berimpak, kurang motivasi

diri, masalah kesihatan dan ketiadaan tempat tinggal di kolej dikemukakan oleh 8 pelajar yang mendapat GOT.

Perbezaan ketara dapatan kajian dalam kalangan pelajar yang tidak mendapat GOT di mana mereka tidak menyatakan terdapat masalah makmal tidak dibuka sepanjang hari untuk melakukan pengujian; staf jabatan kurang memberi kerjasama dalam membantu penyelidikan; kurang motivasi diri; masalah kesihatan dikemukakan dan ketiadaan tempat tinggal di kolej. Manakala pelajar yang mendapat GOT pula tidak menyatakan masalah sama sekali berkaitan dengan tekanan dalam melanjutkan pengajian siswazah, ahli keluarga meninggal dunia memberi impak kepada diri mereka, masalah dengan penilai, sukar mengurus bahagian teknikal dan metodologi tesis, sukar mengumpulkan data kajian, sukar mendapatkan bahan rujukan terbaru dan masalah perceraian sebagai penghalang kepada mencapai tempoh pengajian siswazah mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Perbandingan antara kumpulan pelajar yang mendapat GOT dengan pelajar tidak mencapai GOT mempunyai tren sikap dan tingkahlaku yang amat berbeza. Dapatan kajian ini selari dengan Rockinson-Szapkiw (2014) yang mendapati bahawa terdapat lima tema utama yang dikenalpasti bagi pelajar siswazah menamatkan pengajian tepat masa. Pelajar siswazah yang mendapat GOT mempunyai hasrat dan aspirasi ingin menamatkan pengajian tepat masa, berbakat dan telah menanam semangat ingin berjaya dari sebelum memulakan sesi pengajian mereka.

Pengkaji mendapati bahawa keberkesanan pengalaman pembelajaran dan pencapaian akademik siswazah mencapai GOT dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan pelajar dengan fakulti di luar bilik kuliah secara berterusan dan komitmen institusi pengajian kepada kebajikan pelajar juga boleh meningkatkan kemungkinan pelajar boleh mencapai GOT (Astin & Oseguera, 2005; Braxton et al. 2004; Astin 2001; Tinto, 1993 Stage, 1989; & Bean, 1985). Gabungan hubungan akademik dan kebajikan sosial pelajar siswazah boleh membantu mudah menyesuaikan diri dan mengubah persepsi kepada persekitaran positif terhadap institusi pengajian. Program pengajian siswazah juga memerlukan penyelia yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam membimbing terutama program berasaskan penyelidikan boleh meningkatkan kepuasan pelajar siswazah dan reputasi universiti secara amnya (Arambewela & Hall, 2009). Walaubagaimanapun, dapatan kajian Zaimah et al. (2014) mendapati bahawa secara keseluruhan tahap kepuasan pelajar siswazah UKM terhadap sistem penyampaian perkhidmatan masih berada pada tahap sederhana. Sistem penyampaian perkhidmatan meliputi proses penyeliaan; penyampaian pengajaran dan pembelajaran;

kemudahan pengajaran dan pembelajaran dan perkhidmatan perpustakaan. Tambahan lagi, kemudahan staf sokongan, penginapan, pengangkutan inter-kampus, cafeteria dan khidmat sokongan kampus juga berada pada tahap sederhana dan rendah. Kecenderungan lebih tidak puashati kepada penyediaan perkhidmatan sokongan kebajikan pelajar siswazah dalam dan luar negara. Justeru, terdapat beberapa strategi pembelajaran pelajar siswazah telah dikenalpasti dalam kajian ini bagi penambahbaikan isu pelajar siswazah UKM berjaya menamat pengajian tempoh masa yang ditetapkan dalam peraturan univesiti.

2.3 Strategi Pembelajaran Siswazah Ukm Mencapai GOT

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa proses pembelajaran siswazah mempunyai perkaitan signifikan antara interaksi siswazah dengan persekitaran pembelajaran. Persekitaran yang kondusif dapat menimbulkan reaksi siswa ke arah pembentukan perilaku yang positif. Ianya meliputi karakteristik siswa, perumusan matlamat pengajian, penentuan bahan pembelajaran, pemilihan strategi bergraduat dan media pembelajaran yang membantu P&P. Pendekatan yang digunakan dalam membentuk strategi pembelajaran dalam kalangan siswazah UKM adalah menentukan strategi, kaedah dan prosidur dalam mencapai sasaran atau hasil tertentu sesuai dengan tujuan yang telah ditetapkan. Justeru strategi pembelajaran ialah semua komponen bahan pembelajaran dan prosidur yang akan digunakan untuk membantu siswazah bagi mencapai tujuan pembelajaran tertentu. Jadual 3 menghuraikan strategi pembelajaran pelajar siswazah UKM antara yang mendapat GOT dan tidak mencapai GOT.

Jadual 3: Strategi Perbandingan Pelajar Siswazah Mencapai GOT

Bil	Strategi pembelajaran pelajar	Pelajar GOT (%)	Pelajar tidak GOT (%)
1	Membentangkan progres cadangan dan hasil kajian setiap bulan kepada penyelia	18	-
2	Meletakkan target harian	17	-
3	Berbincang bersama penyelia	17	14
4	Berbincang bersama rakan	12	14
5	Menerbitkan artikel lebih awal	12	5
6	Membuat perancangan progress setiap semester	6	24
7	Memulakan eksperimen awal	6	9

8	Membuat nota	6	-
9	Mengikuti bengkel dan konferens	6	-
10	Memperuntukkan masa yang sesuai untuk setiap bab tesis	-	19
11	Menjaga hubungan dengan Tuhan	-	5
12	Menjaga hubungan dengan ibu	-	5
13	Membuat silibus belajar persendirian	-	5

Dapatan kajian (Jadual 3) mendapati bahawa strategi pembelajaran pelajar yang dibandingkan antara pelajar GOT dengan pelajar yang tidak mendapat GOT terdapat perbezaan ketara. Pelajar yang mencapai GOT membentangkan progres cadangan penyelidikan dan hasil kajian setiap bulan kepada penyelia serta mereka meletakkan target harian bagi menyiapkan penyelidikan mereka. Pelajar mencapai GOT juga sentiasa berbincang dengan penyelia dan rakan seperjuangan berkaitan dengan penyelidikan dan pengurusan menyiapkan tesis. Mereka juga memulakan perancangan dan memulakan eksperimen lebih awal; membuat nota; mengikuti bengkel meningkatkan kemahiran penulisan akademik dan menghadiri konferens untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang penyelidikan berkaitan. Manakala pelajar siswazah tidak mencapai GOT mempunyai tren yang berbeza dimana mereka membuat perancangan progres penyelidikan setiap semester atau enam (6) bulan sekali. Hampir 19 responden yang tidak mencapai GOT menyatakan mereka akan memperuntukkan masa yang sesuai untuk setiap bab kajian. Sebaliknya, pelajar yang mendapat GOT pula tidak menyatakan sebarang cabaran antara item 10 hingga 13 dalam jadual 3 tersebut. Dapatan kajian ini disokong oleh Faizal et al. (2014) pelajar siswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang tepat didapati mengurus masa dengan berkesan. Dapatan ini dapat diinterpretasikan bahawa pelajar yang mendapat GOT mempunyai strategi pembelajaran yang lebih jelas dan teratur berbanding dengan pelajar yang tidak mendapat GOT. Pengkaji mendapati bahawa penyelia juga perlu memainkan peranan penting dalam membentuk strategi kepada pelajar supaya mereka dapat menyelesaikan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Terdapat banyak cara gaya penyeliaan penyelidikan kepada pelajar siswazah (Boche, 2016). Keseimbangan dalam amalan caragaya penyeliaan yang terbaik adalah melalui membangunkan kreativiti pelajar siswazah dimana di awal pengajian perlu mengadakan pertemuan yang kerap sehingga pelajar memahami matlamat institusi pengajian. Proses penyelidikan pascasiswazah melibatkan pengeluaran hasil akhir adalah tesis

tetapi majoriti pelajar siswazah menghadapi masalah besar dalam penulisan akademik. Kejayaan menghasilkan satu tesis yang baik mempunyai perkaitan dengan penulisan akademik. Menurut Joanna (2018) cabaran utama dalam penulisan akademik bagi pelajar siswazah dapat diumpamakan seperti tiga tema seperti berikut: pertama memahami undang-undang hutan (*understanding the laws of the jungle*); kedua pengalaman menelusuri kegelapan hutan belantara (*navigating darkness in the jungle*) dan ketiga ialah gelumang dengan pengasingan dalam hutan. Justeru, Joanna (2018) mencadangkan perjuangan pelajar siswazah berhadapan dengan pelbagai cabaran penulisan akademik melalui disiplin, sosialisasi, pendekatan penyeliaan dan memahami peraturan institusi pengajian masing-masing.

3.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian ini merumuskan bahawa majoriti pelajar siswazah GOT menghadapi masalah kewangan dan menunggu lama instrumen kajian terutama dalam kalangan pelajar siswazah yang menggunakan makmal. Manakala pelajar siswazah yang tidak GOT berhadapan dengan pelbagai rentetan cabaran misalnya tekanan, masalah kewangan, kesihatan, instrumen dan bahan kimia tidak mencukupi, sukar menerbitkan jurnal berimpak tinggi, masalah dengan penyelia, sukar mengurus format teknikal dan metodologi dalam tesis, sukar untuk mengumpulkan data dan sukar mendapat bahan rujukan yang terkini.

Setelah memahami dengan mendalam cabaran yang dihadapi oleh pelajar siswazah untuk mencapai GOT, maka dikenalpasti strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar siswazah yang memberi implikasi positif iaitu membentangkan laporan kemajuan tesis setiap bulan; menetapkan matlamat harian untuk menyiapkan penulisan tesis atau jurnal dan kerap berbincang dengan penyelia dan rakan siswazah berkaitan projek penyelidikan. Satu perkara penting perlu dibuat oleh pelajar siswazah untuk mencapai GOT, pengurusan fail dan dokumen yang boleh dicapai dengan segera tanpa melengah-lengah masa untuk mencari dokumen data, literatur dan laporan penulisan tesis.

Manakala bagi pelajar siswazah tidak mencapai GOT pula yang menunjukkan trend yang hampir sama iaitu implikasi negatif antara, membuat perancangan laporan kemajuan setiap semester; memperuntukkan tempoh masa yang lama bagi menyiapkan setiap bab dalam tesis dan jarang berjumpa dan berbincang dengan penyelia tentang kemajuan projek penyelidikan dan penulisan tesis mereka. Justeru, dapatan kajian ini dapat memberi input bagi merangka pelan tindakan kepada pusat pengajian siswazah diperingkat fakulti dan UKM dapat

merancang, melaksana dan memantau pada semester pertama dan kedua pelajar siswazah mempunyai perancangan matlamat masing yang perlu dicapai. Penyelia juga boleh menggalakkan pelajar siswazah pengurusan masa dan dokumentasi penulisan laporan penyelidikan secara berkala bagi membantu mencapai GOT.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh kod projek: Dana Penyelidikan Top Down TD-2016-020, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua pelajar siswazah yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

Abiddin, N. Z. (2006). Effective Supervision of Research Students: A Study of University Practices and Foreign Students' Experiences. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 2(1), 97-107.

Astin, A. W. (2001). *What matters in college? Four critical years revisited*. San Francisco: Jossey-Bass.

Astin, A. W., & Oseguera, L. (2005). Pre-college and institutional influences on degree attainment. In A. Seidman (Ed.), *College student retention: Formula for student success* (pp. 245-276). Westport, CT: Praeger.

Arambewela R, Hall J (2009) An empirical model of international student satisfaction. *Asia Pasific Journal of Marketing and Logistics* 21 (4), 555-569.

Aktu, Yahya & Ilhan, Tahsin. (2017). Individuals' life structures in the early adulthood period based on Levinson's Theory. *Educational Sciences: Theory and Practice*. 17 (4): 1255-1275.

Azuma, R. T. (1999). "So long, and thanks for the Ph.D.!" a.k.a. Everything I wanted to know about C.S. graduate school at the beginning but didn't learn until later." v. 1.05. Retrieved from: http://www.cs.virginia.edu/helpnet/Being_Grad_Stud/grad_school_CS.html

- Bain, S., Fedynich, L., & Knight, M. (2010). The successful graduate student: a review of the factors for success. *Journal of Academic and Business Ethics*, 3(7). Retrieved from <http://www.aabri.com/manuscripts/10569.pdf>
- Bean, J. P. (1985). Interaction effects based on class level in an explanatory model of college student dropout syndrome. *American Educational Research Journal*, 22(1), 35-64.
- Boehe, D. M. (2016). Supervisory styles: A contingency framework. *Studies in Higher Education*, 41(3), 399-414.
- Braxton, J. M. (2000). Introduction: Reworking the student departure puzzle. In J. M. Braxton (Ed.), *Reworking the student departure puzzle* (pp. 1-8). Nashville, TN: Vanderbilt University Press.
- Carter, W. (2004). Six major reasons why graduate students don't finish. Retrieved from: www.tadafinallyfinished.com/tada_exec_summary.pdf
- Dash, D.P. (2015). Enacting a developmental niche for researchers: Lessons from research education initiatives in India and Malaysia. *International Journal for Researcher Development*, 6(2), 144-164.
- Faisal Z. Miqdadi, Abdulla F. ALMomani, Mohammad T. (Shadid Masharqa), and Nabil M. Elmousel. (2014). *The Relationship between Time Management and the Academic Performance of Students from the Petroleum Institute in Abu Dhabi, the UAE*. ASEE 2014 Zone I Conference, April 3-5, 2014, University of Bridgeport, Bridgeport, CT, USA.
- Gardner, S. K. (2010). Contrasting the socialization experiences of doctoral students in high- and low-completing departments: A qualitative analysis of disciplinary contexts at one institution. *The Journal of Higher Education*, 81(1), 61-81.
- Golde, C. M. (2005). The role of the department and discipline in doctoral student attrition: Lessons from four departments. *The Journal of Higher Education*, 76(6), 669-700.

- Hamzah, A.R, Lucky, E.O., Joarder, M.H.R. (2014). Time Management, External Motivation, and Students' Academic Performance: Evidence from a Malaysian Public University. *Asian Social Science*, 10 (13), 55–63.
- Haynes, C., Bulosan, M., Citty, J., Grant-Harris, M., Hudson, J., & Koro-Ljungberg, M., (2012). My world is not by doctoral program...or is it? Female students' perceptions of well-being. *International Journal of Doctoral Studies*, 7, 1-16.
- Idris N.A (2003), Daya Saing usahawan wanita Melayu menghadapi cabaran globalisasi, Prosiding *Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran "Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran"* 12-13 September 2003, UKM, Bangi. Jabatan Ekonomi Pembangunan Fakulti Ekonomi (UKM).
- Joanna Joseph Jeyaraj. (2018). It's a jungle out ther: Challenges in postgraduate research writing. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, Volume 18(1): 22-37.
- Lasode, A. O. & Awote, F. (2014). Challenges Faced by Married University Undergraduate Female Students in Ogun State, Nigeria. Abeokuta, Nigeria: Federal University of Agriculture.
- Levinson, D. J. (1977). The mid-life transition: A period in adult psychosocial development [Abstract]. *Psychiatry*, 40(2), 99–112. <http://dx.doi.org/10.1521/00332747.1977.11023925>
- Levinson, D. J. (1978). *The seasons of a man's life*. New York, NY: Knopf Publishers. Retrieved from <https://books.google.com>
- Levinson, D. J. (1996). *The seasons of a woman's life*. New York, NY: Knopf Publishers. Retrieved from <https://books.google.com>
- Lovitts, B. E. (2001). *Leaving the Ivory Tower: The Causes and Consequences of Departure from Doctoral Study*. Rowman and Littlefield Publishers, Inc. New York.
- Martinez, E., Ordu, C., Della Sala, M. R., & McFarlane, A. (2013). Striving to obtain a school-work-life balance: The full-time doctoral student. *International Journal of Doctoral Studies*, 8, 39-59.

- McAlpine, L., Jazvac-Martek, M., & Hopwood, N. (2009). Doctoral student experience in education: activities and difficulties influencing identity development. *International Journal for Researcher Development*, 1(1), 97-109.
- Nelson, C. and Lovitts, B.E. (2001). 10 Ways to keep graduate students from quitting. *The Chronicle of Higher Education*, June 29, 2001.
- Smallwood, S. (2004). Doctor dropout. *The Chronicle of Higher Education*, 50 (19).
- Stage, F. K. (1989). Motivation, academic and social integration, and the early dropout. *American Educational Research Journal*, 26(3), 385-402.
- Terrel, S. (2002). The effect of learning style on doctoral course completion in a Web-based learning environment. *The Internet and Higher Education*, 8 (3): 213-219.
- Tinto, V. (1993). *Leaving college: Rethinking the causes and cures of student attrition*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Mastekaasa, A. (2005). Gender Differences in Educational Attainment. The Case of Doctoral Degrees in Norway. *British Journal of Sociology of Education*, 26(3), 375-394. doi:10.1080/01425690500128908
- Mohammad Rezal Hamzah, Abdul Aziz Mahmuddin, Zuraidah Mohd. Zain & Jamaluddin Mohaidin. (2012). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tenaga Akademik yang Gagal Menamatkan Pengajian PhD. Dalam Tempoh yang Ditetapkan. *Journal of Human Development and Communication*. 1: 87–106
- McAlpine, L., Jazvac-Martek, M., & Hopwood, N. (2009). Doctoral student experience in education: activities and difficulties influencing identity development. *International Journal for Researcher Development*, 1(1), 97-109. doi: 10.1108/1759751X201100007

- Rockinson-Szapkiw, A. J., Spaulding, L. S., & Bade, B. (2014). Completion of educational doctorates: How universities can foster persistence. *International Journal of Doctoral Studies*, 9, 293-308. Retrieved from <http://ijds.org/Volume9/IJDSv9p293-308Rockinson0607.pdf>
- Shariff, S. S. R., Rodzi, N. A. M., Rahman, K. A., Zahari, S. M., & Deni, S. M. (2016). Predicting the “graduate on time (GOT)” of PhD students using binary logistics regression model. AIP Conference Proceedings. 1782, 050015. AIP Publishing. <https://www.researchgate.net/deref/http%3A%2F%2Fscitation.aip.org%2Fcontent%2Faiip%2Fproceeding%2Faiipcp%2F1782%3Fver%3Dpdfcov>
- Van de Schoot, R., Yerkes. M.A., Mouw, J.M., & Sonneveld, H. (2013). *What took them so long? Explaining PhD delays among doctoral candidates*. PLOS One, 8(7), e68839. doi:10.1371/journal.pone.0068839
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, Kamariah Abu Bakar & Habsah Ismail. (2008). Kemahiran Pengurusan Masa Pelajar Universiti Tempatan: Status dan Hubungannya dengan Pencapaian. *Jurnal Teknologi*, 49(E): 49–64.
- Wadesango, N., & Machingambi, S. (2011). Post Graduate Students’ Experiences with Research Supervisors. *Journal of Sociology and Social Anthropology*, 2(1): 31-37.
- Watthanapradith, M. and Tongkumchum, P. (2018). Impeding Factors in Completing a Doctoral Degree: Analysis of a Survey. *Academic Services Journal*, Prince of Songkla University 29 (2) 86-95
- Wright, T., & Cochran, R. (2000). Factors Influencing Successful Submission of PhD Thesis. *Studies in Higher Education*, 25(2), 182-195. doi: 10.1080/713696139
- Zaimah, R., Abd Hair Awang & Izzurazlia Ibrahim. (2014). Pendidikan rentas sempadan dan isu kepuasan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan: Kajian kes pelajar antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 10 issue 5: 96 – 106.

